“Memperkasa Reformasi, Memaknai Demokrasi”

TEKS UCAPAN DASAR PRESIDEN

ANWAR IBRAHIM

Presiden

Parti Keadilan Rakyat (KEADILAN)

Kongres Nasional Tahunan ke-14

Dewan MITC, Ayer Keroh, Melaka

7 Disember 2019

Mukaddimah

Ini adalah kali pertama saya berbicara dalam kongres selaku Presiden, maka sewajarnya saya berikan penghargaan kepada mantan Presiden, seorang wanita, sosok kerdil dan sederhana tetapi berjiwa kental mengemudi bahtera parti sepanjang dua dasawarsa yang lalu. Dr Wan Azizah Wan Ismail bersama dengan rakan-rakan pimpinan mengharungi liku-liku perjuangan, pahit getir kehidupan meletakkan asas penubuhan parti. Bagi pihak rakan-rakan pimpinan dan perwakilan, kami teruja dengan kecekalan beliau memimpin dengan jayanya sehingga menempah 50 kerusi Parlimen dalam Pilihan Raya Umum tahun lalu.

Saudara-saudari yang saya kasihi dan muliakan sekalian,

Menyingkap sejarah

1. Dua dasawarsa KEADILAN disambut di Kota Melaka yang bersejarah. Alkisah Melaka, di bawah Kesultanan Melayu-Islam adalah negara hukum dan berbudaya kosmopolitan dan merupakan pelabuhan perdagangan tersohor di rantau Asia Tenggara, terutamanya dengan benua India dan Cina.

2. Ulama' dari India Nuruddin ar-Raniri menjadikan rantau Melayu pangkalan ilmu dan dakwah. Laksamana Cheng He dengan armada gagah perkasa berlabuh di Melaka. Laksamana Hang Tuah, menurut lagenda menguasai 11 bahasa. Tidak dimungkiri kenyataan sejarah seperti yang dicatat Tomé Pires tentang kehadiran pedagang Gujerat, Parsi, Arab Cina di Melaka.

3. Sengaja disingkap butiran sejarah negara untuk mempertentangkan dengan pola pemikiran jumud sempit perkauman dan kedaerahan yang masih didambakan oleh segelintir pemimpin kini. Sayugia diingatkan pejuang kebangsaan Dr Burhanuddin Al Helmy melakar pantun dalam pidato di Perhimpunan PKMM di Melaka pada tahun 1946:

"Di atas runtuhan kota Melaka
kita bangunkan jiwa merdeka,
bersatulah Melayu seluruh baka,
membela hak keadilan pusaka..."

4. Pantun ini turut dirakam Buya Hamka sebagai khazanah puisi klasik serantau lantaran ketajaman dan pengaruh dalam kelompok pejuang rantau Melayu.

5. Kota Melaka runtuh dan roboh akibat kerajaan lemah, dan tewas akibat fitnah dan pengkhianatan dalaman serta kelemahan bala tentera dengan peralatan dan kelengkapan lapuk ketimbang kecanggihan teknologi ketenteraan Portugis. Rencana Portugis awalan adalah berdagang; dan Datuk Bendahara Melaka menyediakan tanah untuk didirikan gudang. Si Kitul cemburu dan memulakan rancangan jahat bersama Diogo Lopes de Sequiera, juragan kapal Portugis. Gudang rupa-rupanya ditukar menjadi kubu, maka kerajaan Melaka menyerang dan membakar kubu tersebut.

6. Si Kitul dan Raja Mendeliar (Datuk Syahbandar Melaka) memfitnah Datuk Bendahara yang bijak dan berjasa. Tanpa usul periksa, Sultan menitah Bendahara sekeluarga, termasuk menantunya Tun Ali dibunuh. Tun Fatimah,

isteri Tun Ali diambil sebagai isteri Baginda. Bibit keruntuhan bermula dengan kerakusan kuasa, fitnah dan kerendahan teknologi. Kerajaan gagah Kesultanan Melayu-Islam Melaka mampu bertahan 109 tahun (1402-1511).

7. Walhasil sejarah gemerlapan Melayu Melaka berakhir dengan tragedi. Negara terjajah dan seluruh sistem dan prakasa dirobohkan, dan digantikan dengan sistem penjajah, sebelum hampir lima abad.

8. Ungkapan "jiwa merdeka" oleh Dr Burhanuddin Al Helmy menarik kerana peringatan bahawa yang didambakan itu bukan sekadar negara merdeka atau menggantikan pentadbir Inggeris dengan pemimpin pribumi. Abdul Rahman Ibnu Khaldun antara sejarawan terkemuka yang mencetuskan idea pemikiran '*inferior*' terhadap kuasa besar. Beliau juga

memperingatkan tentang bahaya berasa selesa sebaik mempunyai kuasa dan walaupun sudah sampai ke tahap tamadun dibina (*umran hadhari*) tetapi terlingkup jua akibat keangkuhan kuasa, rasuah dan rendah akal budi.

9. Demikian juga halnya pengolahan oleh Frantz Fanon dalam "***The Wretched of the Earth***" dan Abd al-Rahman al-Kawakibi dalam "***Istibdad***" atau **tabiat si penindas** yang akan menzahirkan rakyat di negara merdeka untuk merelakan rasuah, kezaliman dan perompakan khazanah negara.

   Natijahnya adalah kewarasan penggantian sistem, nilai dan akal budi. Yang dituntut adalah kebebasan dan penegakan hukum dan keadilan politik, ekonomi dan budaya.

10. Menggerakkan penjelmaan minda jiwa merdeka ini bukan merupakan agenda parti politik biasa. Politik dalam fahaman dan amalan lazim adalah adegan perebutan kuasa dengan pelbagai tipu helah. Gelanggang politik sejak berzaman adalah tentang percaturan kelompok kecil elit yang mempunyai kekayaan dan menguasai media. Istilah demokrasi akhirnya ternoda dengan percaturan kelompok kecil elit yang kurang mempedulikan derita rakyat; selain dari retorika dan menghulur bantuan kecil dari kekayaan yang dirompak melalui balak, saham, projek dan komisen.

11. Reformasi dimaknai dengan kesedaran menyeluruh rakyat, '***conscientization***' atau '***taw'iya***'. Tahap pendidikan dan pencerahan kepada rakyat untuk menzahirkan pemikiran kritis perlu ditingkatkan. Anggota parti malah rakyat perlu dididik untuk mempertahan hak

dan kebenaran; menilai pimpinan di sosok peribadi berprinsip dan istiqamah bukan persaingan membahagi kedudukan dan habuan.

12. Sesungguhnya reformasi yang bergulir pada September 1998 berpaksi kepada semangat islah (pembaharuan) yakni suatu kesinambungan luhur ke arah 'jiwa merdeka'. Mari kita imbau pernyataan dalam Pengisytiharan Permatang Pauh;

"Menyedari gesaan al-Quran yang bermaksud "tidaklah kami mahu melainkan untuk melakukan islah sekuat daya kami";

Dan berilhamkan tradisi budaya-budaya Asia yang keseluruhannya menganjurkan pembaharuan diri dan masyarakat;

Dan menginsafi bahawa Malaysia kini dicengkam kemelut yang dahsyat dan memerlukan kekuatan dalaman untuk bangun semula;

Maka kami rakyat Malaysia yang berbilang bangsa dan agama bertekat untuk melancarkan gerakan reformasi yang menyeluruh:

Gerakan reformasi yang terpancar perjuangan hati nurani,dari kesedaran bahawa sesungguhnya diri manusia itu mulia dan merdeka, mempunyai hak dan tanggungjawab, diri manusia haram dizalimi dan diaibkan, haram di belenggu dan disekat tanpa mengikut proses dan undang-undang yang adil;

Gerakan reformasi untuk menegakkan keadilan untuk semua, yang kuat dan yang lemah, yang kaya dan yang miskin; membersihkan institusi

dan proses undang-undang dari dicemari oleh penyalahgunaan kuasa dan rasuah;

Gerakan reformasi untuk mendaulatkan kuasa rakyat melalui proses demokrasi. Demokrasi itu satu kemestian, kerana semangat keadilan yang ada dalam diri manusia membolehkan demokrasi dilaksana, tetapi kecenderungan manusia untuk berlaku zalim menjadikan demokrasi satu kewajipan;

Gerakan reformasi untuk memperjuangkan keadilan ekonomi,menjana pertumbuhan dan pengagihan yang saksama, jangan yang kaya bertambah kaya yang miskin papa kedana. Dunia ini mencukupi untuk keperluan semua, tetapi tidak mencukupi untuk memenuhi kerakusan individu;

Gerakan reformasi untuk membanteras rasuah dan penyalahgunaan kuasa, mengikis

manipulasi pasaran oleh segelintir golongan rakus dan mahakaya;

Gerakan reformasi untuk memperkukuhkan jayadiri budaya yang dinamis, setia kepada warisan bangsa yang murni dan terbuka kepada segala yang baik dari semua budaya;

Gerakan reformasi untuk membawa bangsa Malaysia kezaman maklumat dan dunia tanpa sempadan, menjana kebijaksanaan, keyakinan dan keterbukaan untuk menjalin persahabatan sejagat berdasarkan prinsip kebenaran dan keadilan.

Kami akan menggerakkan reformasi ini dengan aman, mengikut semangat perlembagaan dan bernafaskan prinsip pemerintahan undang-undang.

Masanya telah tiba. Bersatulah untuk reformasi."

13. Reformis, tokoh lama dan anak muda yang mahu terlibat dalam siasah keadilan harus menghadkan prinsip luhur tersebut. Gelanggang politik berteraskan idealisme bukan kesempatan diri, pengorbanan dan bukan keselesaan.

14. Arakian wacana mengenai anak muda dan hak mengundi 18 tahun bukannya dengan asakan propaganda, tipu helah dan sogokan. Gejala rasuah dan penyalahgunaan kuasa, putar belit media dan penipuan jelas bertentangan dengan nilai akhlak dan etika. Reformasi bergema dengan laungan menolak rasuah, keangkuhan kuasa dan pemunggahan kekayaan oleh elit dan kelompok berkuasa. Kewajarannya adalah mengangkat dan memartabat nilai insan (***karamah insaniah***) dengan kefahaman dan membebaskan minda dari terperangkap dengan pola pemikiran

usang. Digarisbawahi prinsip asas dalam budaya politik KEADILAN bahawa politik bukan sekadar perebutan kuasa tetapi seperti yang dilakar oleh WS Rendra yakni;

"*Perjuangan adalah pelaksanaan kata-kata*".

يَا أَيُّهَا الَّذِينَ آمَنُوا لِمَ تَقُولُونَ مَا لَا تَفْعَلُونَ

Wahai orang-orang yang beriman! Mengapa kamu memperkatakan apa yang kamu tidak melakukannya!

Al-Saff (61:2)

15. Inilah yang sering saya suarakan agar kita yang tidak lagi bergerak di jalanan dan sebahagiannya di tampuk kekuasaan tidak mudah terpukau dengan kilauan takhta dan harta. Dengan rasa insaf kita harus akui kelemahan dan keterbatasan kita. Tetapi janganlah dimungkiri sumbangan dan

pengorbanan pejuang-pejuang awal reformis yang menerima penderaan, hilang jawatan dan sebahagiannya meninggalkan kita dalam keadaan yang miskin dan kepayahan. Suara kita harus dari cetusan hati nurani memihak kepada yang tertindas dan yang derita.

16. Malah ini selari dengan nasihat Imam Hasan al Basri kepada Amirul Mukminin Khalifah Umar Abdul Aziz:

"Janganlah dikau memerintah, wahai Amir al Mu'minin, pada hamba-hamba Allah itu, dengan keputusan hukum hakam orang jahil. Janganlah dikau perlakukan mereka sepertimana cara orang yang zalim. Janganlah dikau lantik orang yang takbur atas orang yang lemah, kerana sesungguhnya mereka tidak takutkan Allah dan selainnya berkenaan urusan orang yang beriman. Janganlah dikau terpedaya dengan mereka yang

bersenang-lenang dengan perkara yang akan mengakibatkan penderitaanmu (di Akhirat). Serta (janganlah terpedaya juga dengan) mereka yang memakan segala yang enak-enak di kehidupan dunia mereka, dengan menggadaikan kebaikanmu di kehidupan Akhiratmu."

Saudara-saudari sekalian,

Penegasan tentang kemajmukan

17. Kita tegaskan bahawa parti ini adalah parti majmuk, iaitu parti yang berbilang kaum, berbilang agama dan berbilang suku. Oleh itu sikap, tindakan dan pendirian kita mesti mencerminkan kemajmukan. Seperti yang saya sebut di konvensyen-konvensyen negeri bahawa betapa ekonomi sebagai asas penting dalam membangun negara dan peradaban– mesti diberi tumpuan yang tidak

mengutamakan satu-satu kaum, tetapi mesti menjadi juara dan membela semua atas dasar keperluan dan keadilan.

18. Ingin saya tekankan bahawa kita tidak perlu menjadi jaguh mana-mana kaum untuk menyaingi retorik kanan yang menyempitkan, atau melakukan beberapa cubaan dengan menggula-gulakan pengundi dan pengikut dari kaum tertentu semata-mata untuk memenangi hati kaum tertentu. Rakyat tidak harus dijadikan bidak catur walhal yang kaya dan untung adalah para elit dan tokoh politik.

19. Parti harus lebih berperanan mempertingkat wacana di antara budaya. Baru-baru ini dianjurkan suatu sidang bertajuk "*Islam and Confucianism*" yang mengupas tentang kedua-dua budaya Asia yang paling berjaya dalam memupuk kesederhanaan dan menolak

sebarang bentuk naratif yang menjerumuskan kita semua ke arah perkauman sempit. Di era Malaysia yang lebih terbuka dan toleran ini sewajarnya inisiatif ini dimulakan parti dan dipergiatkan dengan lebih teratur dan sistematik.

20. Konservatisme Malaysia lama harus didepani dengan semangat **'*La Convivencia*'** di Andalusia di mana Muslim, Kristian dan Yahudi hidup dalam kerukunan - ini yang direkodkan dalam lipatan sejarah.

21. Naratif yang dibawa oleh sesetengah kelompok yang cuba untuk mempasakkan politik identiti dalam persekitaran yang majmuk adalah gejala yang tempang - semangat kaum yang berlebihan perlulah dihentikan segera kerana ia boleh merosak dan menjejaskan pembinaan identiti bangsa Malaysia.

22. Apa yang menyedihkan adalah kita tidak berusaha untuk mencari titik-titik temu dalam masyarakat, malah diperbesarkan segala perbedaan yang bersifat trivial dan remeh, dan ini menjadi alasan bagi sesetengah kita untuk tidak bersikap toleran dan inklusif. Sir Thomas Arnold dalam bukunya "***The Preaching of Islam***" menggalurkan kenyataan sejarah berhubung dengan sikap dan toleransi. Amat tepat sekali sekiranya diperturunkan rumusan pendapat ahli sejarah Arnold Toynbee berhubung dengan potensi agama ini sebagai penyelesaian berdasarkan kecermelangan amalannya:

"*The extinction of race consciousness as between Muslims is one of the outstanding moral achievements of Islam, and in the contemporary world there is, as it happens, a crying need for the*

propagation of this Islamic virtue. The forces of racial toleration, which at present seem to be fighting a losing battle in a spiritual struggle of immense importance to mankind, might still regain the upper hand if any strong influence militating against racial consciousness were now to be thrown into the scales. It is conceivable that the spirit of Islam might be the timely reinforcement which would decide this issue in favour of tolerance and peace."

Pasca Pilihanraya Kecil Tanjung Piai

23. Sejak berakhirnya Pilihan Raya Umum Ke-14, kita telah mengharungi 9 Pilihan Raya Kecil (PRK) di mana yang terbaharu melibatkan Parlimen Tanjung Piai, Johor.

24. Majoriti undi yang menyebelahi pembangkang dilihat sebagai satu fenomena yang merunsingkan memandangkan kita telah kehilangan 4 kerusi sepanjang PRK tahun 2019.

25. Bergerak atas satu gabungan yang mantap, kita seharusnya mengambil iktibar yang disusuli dengan pelan progresif untuk mengembalikan keyakinan rakyat terhadap dasar yang dibawa oleh komponen Pakatan Harapan.

26. Saya menggesa anggota parti untuk membawa perubahan yang dapat mengembalikan keyakinan rakyat bahawa kita adalah berbeza daripada kerajaan terdahulu.

27. Bagi menghadapi cabaran yang semakin mencabar KEADILAN perlu melaksanakan gerak kerja yang berkesan di peringkat akar

umbi untuk meningkatkan tahap sokongan pengundi.

28. Pimpinan bersama jentera parti harus bersiap sedia dengan melipat-gandakan usaha turun ke bawah serta memantau pergerakan atau isu yang dibawa pihak pembangkang.

29. Selain itu, penjelasan berterusan berhubung isu yang dibawa pihak pembangkang perlu dilaksana dan dipertingkatkan dari semasa ke semasa bagi mengelak rakyat terus keliru.

Perencanaan ekonomi dan menangani kesenjangan

30. Sepertimana yang digagaskan dalam konvensyen negeri-negeri, naratif dan wacana yang mendasar adalah pembangunan, kemiskinan dan kesenjangan. Saya masih ingat lagi pesan Profesor Diraja Ungku Aziz dalam rencananya tentang kemiskinan pada tahun 1961. Beliau secara sinis menyebut tentang sikap para perancang seperti pakar pendidikan dan pakar ekonomi yang kurang tawaduk dan arif permasalahan sebenar rakyat. Manakala dalam Rencana Menangani Kemiskinan, beliau mengkaji kemiskinan di Mersing dan Beserah dan beliau menulis tentang Sarung Index atau “Indeks Sarung”. Indeks Sarung ini ialah cara untuk mengukur kemiskinan berdasarkan berapa sarung yang dimiliki oleh keluarga miskin.

31. Namun di kota, di kalangan pakar ekonomi, dan pakar bank seringkali memberi ulasan yang positif. Mereka mendakwa Malaya pada ketika itu adalah antara yang paling maju di Asia Tenggara dan telah berjaya menghapuskan sebahagian besar masalah kemiskinan. Jadi, menurut Ungku Aziz, ada perbedaan ketara di antara apa yang mereka bicarakan dan dengan kenyataan yang sebenar di desa.

32. Kerajaan Pakatan Harapan mewarisi ekonomi yang hampir meleset dengan beban hutang yang tertinggi dalam sejarah; dan kadar pertumbuhan sebenar yang mendatar selama satu dasawarsa menurut ukuran SEDA (Penilaian Pertumbuhan Ekonomi Mampan). Kajian SEDA mengambilkira kadar pertumbuhan, perumahan, kesihatan dan pendidikan. Faktor-faktornya:

- Industri yang merosot

- Ketergantungan kepada pekerja asing terkait kemahiran dan pendapatan yang rendah

- Kekurangan pengubahan teknologi domestik atau penambahbaikan

Malaysia juga berbelanja untuk penyelidikan dan pembangunan pada kadar 1.3% dari KDNK pada tahun 2017

33. Sementalahan itu kita perlu memberi dukungan dan gesaan agar kerajaan mengambil semua langkah fiskal dan kewangan, pengurusan dan urus tadbir untuk menarik pelaburan domestik dan luar negeri bagi memacu pertumbuhan lebih rancak.

34. Kaukus Reformasi dan Tadbir Urus Parlimen menyatakan keprihatinan terhadap laporan yang diberikan oleh Pelapor Khas PBB Philip Alston serta ulasan pakar ekonomi tempatan sebelumnya termasuk Profesor KS Jomo dan Profesor Rajah Rasiah dengan merujuk antara lain angka dan rajah Bank Negara Malaysia (BNM) dan Khazanah Research Institute (KRI) berkenaan kadar kemiskinan negara ini yang didakwa terlalu rendah dan tidak mencerminkan kos sara hidup sebenar di samping tidak mengambil kira penduduk yang terpinggir dan kita menerima positif jaminan Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad untuk mengambil pendekatan pelbagai dimensi bagi menangani masalah tersebut.

35. Pengalaman Malaysia dalam menangani masalah kemiskinan melalui program-program pembangunan negara dan dasar-dasar

kerajaan seperti Dasar Ekonomi Baru (DEB), Dasar Pembangunan Nasional (DPN), Rancangan Malaysia 5 tahun (RMK 1 hingga RMK 11), dalam mengurangkan dan membasmi kemiskinan serta mempercepatkan proses penyusunan semula ekonomi belum meyakinkan.

36. Ketidaksamaan dan tahap pendapatan yang rendah dalam kalangan isi rumah merentas negeri terutamanya Kedah, Kelantan, Terengganu serta Sabah dan Sarawak serta terdapatnya isu-isu struktur yang masih berterusan bagi memacu pertumbuhan pesat.

37. Pembangunan mampan harus berpaksi kepada manusia; diasaskan melalui pendekatan baharu dan inovatif untuk menangani cabaran kemiskinan dan ketidaksamaan yang semakin melebar.

38. Konsep dan pendekatan berasaskan hak asasi manusia menurut keperluan tanpa mengira bangsa, agama, jantina, kedudukan geografi, fahaman politik, dan lain-lain perbezaan bagi menangani jurang perbezaan kekayaan dan pendapatan yang semakin melebar perlu dilaksanakan.

39. Kita mengulangi syor kepada kerajaan untuk memberi keutamaan:

- Melakukan kajian dan semakan semula kepada takrifan kemiskinan yang lebih kontemporari serta kaedah penetapan kadar kemiskinan di negara ini;

- Melaksanakan reformasi di dalam menangani isu kemiskinan dengan memberi penekanan terhadap pendekatan pelbagai dimensi seperti

elemen jangka hayat, kesihatan, pendidikan, dan tidak terhad kepada pendefinisian kemiskinan mutlak yang melihat semata-mata dimensi kewangan dan pendapatan

- Memastikan pelaksanaan dasar-dasar dan program pembangunan yang berkesan, mengelak ketirisan dan salahguna kuasa;

- Merangka dasar ekonomi yang menggalakkan pertumbuhan ekonomi secara seimbang dan menggalakkan agihan kekayaan yang adil dan inklusif yang menjurus kepada kumpulan sasar.

Penjawat awam dan dasar-dasar kerajaan

40. Negara mewarisi sistem penjawat awam yang profesional dan semangat ini perlu dipertahankan. Tindakan kerajaan Pakatan

Harapan terhadap beberapa kakitangan atasan tidak harus ditafsir sebagai sikap menyeluruh.

41. Saya percaya kerajaan akan mengambil langkah-langkah perlu untuk memberi keyakinan baru kepada hampir keseluruhan penjawat awam yang setia berkhidmat secara profesional yang kami anggap sebagai tonggak dalam sistem pentadbiran negara.

42. Kendatipun begitu mereka harus menerima kenyataan bahawa sistem pemerintahan berubah dan menuntut penyesuaian sewajarnya. Mengenai reformasi institusi, kita telah saksikan perubahan positif dan komitmen pemerintah di bawah pimpinan Tun Dr Mahathir Mohamad. Tanggungjawab pimpinan parti terutama dalam barisan kepimpinan negara haruslah lebih komited untuk membantu memesatkan agenda

reformasi. Hal ini terkait juga dengan badan kehakiman dan badan penguatkuasaan. Kita hargai sumbangan pasukan keselamatan bertarung nyawa, khususnya polis dan tentera untuk menjamin keamanan, membanteras jenayah dan mempertahankan keselamatan negara. Pimpinan parti prihatin dengan keresahan di kalangan sebahagian anggota polis yang khuatir bahawa beberapa langkah reformasi yang terkait salahlaku polis itu berupa cengkaman yang akan mempersulitkan tugas mereka. Kami berpendapat ikhtiar tersebut boleh dirungkai semula dengan menekankan kepentingan kebajikan, meningkat tahap profesionalisme dan mengelak dari salahlaku tanpa menjejaskan tugas utama mereka menangani masalah jenayah dan keganasan.

Perubahan iklim

43. Kita juga ingin menyinggung masalah perubahan iklim yang juga memberi dampak yang negatif akibat pembalakan, kebakaran dan pemusnahan tanah.

44. Walaupun ada beberapa langkah yang telah diambil, namun ia masih belum memberikan dampak yang meyakinkan. Isu yang dibangkitkan termasuk isu Lynas, bauksit dan juga masalah jerebu yang berlaku saban tahun.

Dasar luar

45. Parti turut berasa bangga kerana ketegasan kerajaan menyuarakan dengan berani tentang penindasan, kezaliman dan hak asasi manusia terkait isu Palestin, dan ini termasuk dalam

kenyataan sikap lantang membantah kekejaman rejim Zionis Israel terhadap warga Palestin. Juga kerajaan dengan tegas menyuarakan tentang masalah etnik minoriti Rohingya dan keprihatinan terhadap konflik di Kashmir.

Disiplin dalam parti

46. Alhamdullilah, kita perlu akui kejayaan besar parti tabah menempuh rintangan sehingga berjaya menjadi parti terkuat di Parlimen Malaysia dengan 50 anggota Parlimen. Untuk itu saya salut setiap anggota, pendukung, dari masyarakat sivil dan rakyat serta yang meyakini dan memberi kepercayaan sejak kita bertapak di tahun 1999 hingga ke mercu kekuasaan bersama DAP, Amanah dan Bersatu dalam PRU Mei 2018.

47. Pengalaman tersebut harus mengajar kita supaya sebaris sederap (*Bunyan al- Marsous)* (solid structure) yang utuh dalam idealisme dan mengorak langkah dengan lebih berhemah dan bijaksana.

48. Meskipun sepanjang sejarah dua dasawarsa parti tidak terlepas dari krisis, namun kita dapat tangani dengan bijak dan berhemah. Kita akui akibat perselisihan adalah peninggalan beberapa tokoh, namun parti tetap kembali berpadu kukuh dan utuh. Demikian juga harapan saya dalam menghadapi kemelut terkini yang melanda parti. Pergeseran dalam suasana kekeluargaan perlu dileraikan secara berhemah dengan gesaan atau asakan agar semua kembali kepada garis idealisme perjuangan dan menghormati semangat dan disiplin jemaah. Saudara-saudara dalam keluarga KEADILAN yang memilih untuk

mendakap semangat keluarga KEADILAN saya sambut setulusnya. Titik hitam dalam pergelutan sidang Angkatan Muda Keadilan semalam harus menjadi pengajaran dan dihindari dengan mempastikan semua pihak patuh kepada prinsip dan peraturan. Maka saya ulangi pendirian saya untuk bertindak keras memecat sesiapa sahaja anggota yang disabitkan kesalahan.

Penutup

49. Akhirul kalam, saya juga akui bahawa riuh rendah kontroversi terkait Parti KEADILAN Rakyat beberapa musim yang lalu ada hikmahnya. Seluruh perhatian negara kembali kepada parti, dan cabaran kini adalah bagaimana kita kendalikan kongres dengan semangat baharu untuk memperkuatkan parti dan meneruskan agenda reformasi.

50. Seandainya kita berhasil memperkuat jemaah, menjaga disiplin dan setia kepada perjuangan, kita akan muncul sebagai parti yang gagah dan dihormati.

51. Penghargaan khusus saya tujukan kepada saudara Setiausaha Agung Datuk Seri Saifuddin Nasution dan pasukan yang mengendalikan parti sepanjang tahun lalu dan menjayakan kongres dengan jayanya.